| 21   | 3217435   | WLY    | EMPANGAN KLANG GATE        | 94               | 84            | 98            | 95.30                        | 95.48                        | 95.45                         | 95.40                           | - 0.05                                | 100.00              |

| Color Code    | Description                                       |
|---------------|---------------------------------------------------|
| Blue          | Maximum Level (Balance Storage Above 100%)        |
| Green         | Normal Level (Balance Storage Between 100% - 70%) |
| Yellow        | Alert Level (Balance Storage Between 70% - 50%)   |
| Yellow Orange | Warning Level (Balance Storage 50% - 40%)         |
| Red           | Danger Level (Balance Storage Below 40%)          |

## 5. RAMALAN SISTEM NAWABS


### 5.1. Lembangan Sungai Muda

Jadual 8 dibawah menunjukkan ramalan hujan bulanan di Lembangan Sungai Muda yang menjangkakan jumlah hujan pada bulan **Jun** adalah di atas purata jangka panjang (LTM).


Jadual 8 - Ramalan Hujan Bulanan di Lembangan Sungai Muda

| RAMALAN HUJAN (mm) |     |         |                      |                    |
|--------------------|-----|---------|----------------------|--------------------|
| TADAHAN            | JUN | LTM JUN | REKOD 2016 (EL NINO) | PERBEZAAN DGN. LTM |
| Sungai Muda        | 184 | 151     | 165                  | 33 (+22%)          |

Ramalan storan untuk Empangan Beris menunjukkan jangkaan storan mencapai **100% bermula 18 Mei 2022** dan Empangan Muda pula dijangka akan mencapai **100% bermula Mei 2022** sepertimana yang ditunjukkan di dalam rajah di bawah.




Rajah 5 - Ramalan Storans Empangan Beris untuk 2 Bulan Kehadapan



Rajah 6 - Ramalan Storans Empangan Muda untuk 2 Bulan Kehadapan

Ramalan kadar alir sungai di Stesen Sg Muda Ldg. Victoria untuk 2 bulan akan datang juga menunjukkan bacaan berada pada paras paling rendah ialah pada **27 Mei 2022** iaitu pada kadar alir **158.6m<sup>3</sup>/s** seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7.



Rajah 7 - Ramalan Kadar Alir di Sg. Muda untuk 2 Bulan Kehadapan




## 5.2. Lembangan Sungai Kedah

Jadual 9 dibawah menunjukkan ramalan hujan bulanan di Lembangan Sungai Kedah yang menjangkakan jumlah hujan pada bulan **Jun** adalah di atas purata jangka panjang (LTM).


Jadual 9 - Ramalan Hujan Bulanan di Lembangan Sungai Kedah

| RAMALAN HUJAN (mm) |     |         |                      |                    |
|--------------------|-----|---------|----------------------|--------------------|
| TADAHAN            | JUN | LTM JUN | REKOD 2016 (EL NINO) | PERBEZAAN DGN. LTM |
| Sungai Kedah       | 180 | 126     | 134                  | 54 (+43%)          |

Ramalan storan untuk Empangan Ahning dijangka akan mengalami peningkatan sehingga storan **100% pada 6 Jun 2022**. Empangan Pedu juga menunjukkan peningkatan sehingga storan **100% pada 21 Jun 2022** sepertimana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.




Rajah 8 - Ramalan Storan Empangan Ahning untuk 2 Bulan Ke hadapan



Rajah 9 - Ramalan Storan Empangan Pedu untuk 2 Bulan Ke hadapan

Ramalan kadar alir sungai di Stesen Pelubang untuk 2 bulan akan datang juga menunjukkan bacaan akan turun ke kadar aliran terendah iaitu  $37.8 \text{ m}^3/\text{s}$  pada 19 Jun 2022 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 10.



Rajah 10 - Ramalan Kadar Alir di Pelubang untuk 2 Bulan Ke hadapan

### 5.3 Lembangan Sungai Kelantan

Jadual 10 dibawah menunjukkan ramalan hujan bulanan di kawasan tadahan Sungai Kelantan yang menjangkakan jumlah hujan pada bulan **Jun** adalah di bawah purata jangka panjang (LTM).

Jadual 10 - Ramalan Hujan Bulanan di Lembangan Sungai Kelantan

| RAMALAN HUJAN (mm) |     |         |                      |                    |
|--------------------|-----|---------|----------------------|--------------------|
| TADAHAN            | JUN | LTM JUN | REKOD 2016 (EL NINO) | PERBEZAAN DGN. LTM |
| Sungai Kelantan    | 181 | 192     | 225                  | -11 (-6%)          |


### 5.4 Lembangan Sungai Melaka

Jadual 11 dibawah menunjukkan ramalan hujan bulanan di kawasan tadahan Sungai Melaka yang menjangkakan jumlah hujan pada bulan **Jun** adalah di atas purata jangka panjang (LTM).

Jadual 11 - Ramalan Hujan Bulanan di Lembangan Sungai Melaka


| RAMALAN HUJAN (mm) |     |         |                      |                    |
|--------------------|-----|---------|----------------------|--------------------|
| TADAHAN            | JUN | LTM JUN | REKOD 2016 (EL NINO) | PERBEZAAN DGN. LTM |
| Sungai Melaka      | 135 | 111     | 142                  | 24 (+21%)          |

Ramalan storan untuk Empangan Durian Tunggal dijangka akan mengalami penurunan sehingga storan **94% pada 13 Julai 2022**. Storan di Empangan Jus pula menunjukkan jangkaan storan mencapai **100% sepanjang bulan Mei-Jun 2022** sepertimana yang ditunjukkan pada rajah di bawah.



Rajah 11 - Ramalan Storan Empangan Durian Tunggal untuk 2 Bulan Ke hadapan





Rajah 12 - Ramalan Storan Empangan Jus untuk 2 Bulan Kehadapan


### 5.5 Lembangan Sungai Bernam

Jadual 12 dibawah menunjukkan ramalan hujan bulanan di kawasan tadahan Sungai Bernam yang menjangkakan jumlah hujan pada bulan **Jun** adalah di atas purata jangka panjang (LTM).

Jadual 12 - Ramalan Hujan Bulanan di Lembangan Sungai Bernam

| RAMALAN HUJAN (mm) |     |         |                      |                    |
|--------------------|-----|---------|----------------------|--------------------|
| TADAHAN            | JUN | LTM JUN | REKOD 2016 (EL NINO) | PERBEZAAN DGN. LTM |
| Sungai Bernam      | 133 | 124     | -                    | 9 (+8%)            |

Ramalan kadaralir sungai di Stesen Jambatan SKC untuk 2 bulan akan datang menunjukkan bacaan akan turun ke kadar aliran terendah iaitu  $28.1 \text{ m}^3/\text{s}$  pada 8 Julai 2022 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 13.




Rajah 13 - Ramalan Kadar Alir di Jambatan SKC untuk 2 Bulan Kehadapan

Disediakan oleh:

Unit Hidroinformatik,  
Seksyen Sumber Air, Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi  
JPS Malaysia  
E-mel: nawabs@water.gov.my

Tarikh : 15 Mei 2022

| Indicator<br>WRI     | Definition | Climatic Conditions | Water Resource Conditions                                                  |
|----------------------|------------|---------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| $WRI \geq 1$         |            | Wet Season          | Wet Season in river and reservoir over<br>spilling flood water             |
| $0.6 \leq WRI < 1$   |            | Normal Weather      | In-stream and reservoir storage enough<br>for consumption and utilization. |
| $0.2 \leq WRI < 0.6$ |            |                     |                                                                            |
| $WRI < 0.2$          |            |                     |                                                                            |








SUNGAI MUDA BASIN  
WATER RESOURCES INDEX

Data Horizon: Long Term Forecast


Location: All POIs (Map 2)  
Data Period: eg a specific time



Date:

Printed by:  
Position:










SUNGAI KELANTAN BASIN  
WATER RESOURCES INDEX

Data Horizon: Long Term Forecast

Location: All PDIs

Data Period: 4/30/2022 12:00:00 AM



| Definition      | Climatic Conditions | Water Resources Conditions                                                   |
|-----------------|---------------------|------------------------------------------------------------------------------|
| WRI > 1         | Wet Season          | Wet Season in over and reservoir over spilling flood water.                  |
| 0.6 < WRI < 1   | Normal Weather      | In-stream and reservoir storage enough for consumption and utilization.      |
| 0.1 < WRI < 0.6 | Dry Season          | Dry Season and reservoir storage not enough for consumption and utilization. |
| WRI < 0.1       | Extreme Drought     | In-stream and reservoir storage not enough for consumption and utilization.  |



Water Resources Resolved Stage Orthomorphological Origin  
Datum: BDM 2000

Date:

Printed by:  
Position:




| Indicator | Definition           | Climatic Conditions | Water Resources Conditions                                                                |
|-----------|----------------------|---------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| WRI       |                      |                     |                                                                                           |
|           | $WRI \geq 1$         | Wet Season          | Wet Season in river and reservoir over spilling flood water.                              |
|           | $0.5 \leq WRI < 1$   | Normal Weather      | In-stream and reservoir storage enough for consumption and utilization.                   |
|           | $0.4 \leq WRI < 0.5$ | Moderate Drought    | In-stream and reservoir storage has a risk barely enough for consumption and utilization. |
|           | $0.2 \leq WRI < 0.4$ | Severe Drought      | In-stream and reservoir storage has a risk of not enough for consumption and utilization. |
|           | $WRI < 0.2$          |                     |                                                                                           |





At P-01s  
2022-06-01 to 2022-06-30 (30 days)

Location  
Date Period



Date:


Printed by:  
Position:



# **MAKLUM BALAS**

## **LUAS**





**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGAGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL                            | TAJUK PENYATA                                                                                                                                                                                                                                | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                         |
|--------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kertas Mesyuarat Bil 10 / 2022 | PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) BERHUBUNG KESIAPSIAGAAN KERAJAAN NEGERI MENGHADAPI MUSIM KEMARAU PADA TAHUN 2025 | <p>5.1. Memandangkan ramalan cuaca yang tepat hanya boleh dibekalkan antara 2 hingga 6 bulan sebelum kejadian dan pembinaan infrastruktur tambahan dan perancangan rumit tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat, Kerajaan Negeri digesa untuk membuat perancangan sekarang berdasarkan scenario kes terburuk (“worst case scenario”) bagi memastikan sumber air tidak terputus untuk rakyat Selangor jika berlakunya kemarau berpanjangan.</p> |          |         | <p>Kerajaan Negeri melalui LUAS telah mewartakan 20 buah kolam bekas lombong, mengenalpasti 76 kolam tambahan baru dan 127 kolam takungan banjir JPS sebagai sumber air alternatif ketika musim kemarau. Kolam tersebut akan dinaik taraf dengan infrastruktur tambahan.</p> |



**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGAGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | <p>5.2. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri dapat segera bertindak dengan menubuhkan suatu Jawatankuasa Tindakan yang melibatkan kesemua agensi berkaitan untuk:</p> <p>-</p> <p>5.2.1. belajar dan mengatasi masalah yang dihadapi semasa menangani kemarau 2014 (contoh penambahbaikan jangka masa tindak balas oleh agensi kerajaan negeri, pembenihan hujan yang membawa kepada penurunan hujan di hilir dan bukan lembangan sungai dan sebagainya);</p> <p>5.2.2. mengumpul dan membekalkan data yang komprehensif dan lebih terperinci agar mitigasi untuk menghadapi kemarau dapat dilaksanakan dengan lebih tepat dan menyeluruh;</p> |          |         | <p>Jawatankuasa Sumber Air Alternatif Negeri Selangor telah ditubuhkan bagi tujuan mengatasi kekurangan air di musim kemarau. Dapatan jawatankuasa ini akan dibentangkan juga dalam Jawatankuasa Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Air LUAS yang dipengerusikan oleh Pengarah UPEN dan Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.</p> <p>Mesyuarat berkala telah dilaksanakan bagi melihat secara keseluruhan isu, cabaran dan pelaksanaan mitigasi kemarau dan sumber air.</p> |

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL  | TAJUK PENYATA  | SARANAN                                                                                                                                                                  | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |
|------|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|----------------|-----------------------|---|--------|---------|---|-------|---------|---|----------|---------|---|--------|---------|
|      |                | <p>5.2.3. mengkaji secara terperinci sumber air bawah tanah, tasik dan lombong yang boleh digunakan sebagai sumber alternatif untuk menghadapi kemarau berpanjangan;</p> |          |         | <p>Satu kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Negeri Selangor telah dijalankan pada tahun 2015. Hasil kajian tersebut mendapati kebolehdapatan air bumi di dalam Negeri Selangor adalah seperti jadual di bawah:</p> <table><tr><th>Bil.</th><th>Nama Lembangan</th><th>Sumber Yang Ada (Mld)</th></tr><tr><td>1</td><td>Langat</td><td>860-960</td></tr><tr><td>2</td><td>Klang</td><td>630-690</td></tr><tr><td>3</td><td>Selangor</td><td>810-870</td></tr><tr><td>4</td><td>Bernam</td><td>630-690</td></tr></table> | Bil. | Nama Lembangan | Sumber Yang Ada (Mld) | 1 | Langat | 860-960 | 2 | Klang | 630-690 | 3 | Selangor | 810-870 | 4 | Bernam | 630-690 |
| Bil. | Nama Lembangan | Sumber Yang Ada (Mld)                                                                                                                                                    |          |         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |
| 1    | Langat         | 860-960                                                                                                                                                                  |          |         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |
| 2    | Klang          | 630-690                                                                                                                                                                  |          |         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |
| 3    | Selangor       | 810-870                                                                                                                                                                  |          |         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |
| 4    | Bernam         | 630-690                                                                                                                                                                  |          |         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |
|      |                | <p>5.2.4. mengenalpasti penambahan infrastruktur dan peruntukan yang diperlukan untuk menghadapi kemarau berpanjangan;</p>                                               |          |         | <p>76 buah kolam tambahan baharu dan 127 kolam banjir JPS akan dikaji secara terperinci kesesuaiannya dari segi kuantiti dan kualiti sebagai sumber air alternatif.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |      |                |                       |   |        |         |   |       |         |   |          |         |   |        |         |



**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----|---------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | <p>5.2.5. menubuhkan SOP khas antara agensi mengikut tahap keseriusan (ringan, sederhana, bahaya) bagi menghadapi kemarau yang diramal;</p> <p>5.2.6. menubuhkan sistem komunikasi yang komprehensif dan efektif kepada masyarakat berkenaan Tindakan yang wajar diambil mengikut tahap keseriusan yang disebut;</p> <p>5.2.7. menetapkan KPI pencapaian kesiapsagaan kemarau bagi setiap agensi dan pemegang taruh yang perlu dicapai sebelum 2025, dan mengadakan mesyuarat berkala untuk memantau progress pencapaian tersebut.</p> |          |         | <p>LUAS telah mewujudkan Pelan Tindakan Menangani Musim Kemarau Negeri Selangor dan akan diperhalusi dari semasa ke semasa.</p> <p>Sistem komunikasi telah diintegrasikan di dalam Pelan di atas.</p> <p>Jawatan Kuasa Sumber Air Alternatif Negeri Selangor akan melihat secara keseluruhan perkara yang dibangkitkan dalam setiap mesyuarat yang diadakan.</p> |
|     |               | 5.3. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meneliti dengan lebih terperinci mengenai proses ekstraksi air laut                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |          |         | <p>LUAS telah mengadakan lawatan teknikal ke Loji Nyahgaram Air Laut di</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                      |

Y.B. IR. IZHAM BIN HASHIM

EXCO INFRASTRUKTUR & PERTANIAN

Tingkat 15, Bangunan SSAAS,

40503 Shah Alam, Selangor

TEL: 603-55447150 FAKS: 603-55193328

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                   | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-----|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | ataupun <i>desalination</i> , penuaian air hujan berskala besar, sistem telaga, sistem-sistem rawatan berkaitan dan teknologi terkini untuk dijadiakan sebagai salah satu sumber persediaan kecemasan sewaktu berlakunya bencana kemarau atau krisis air. |          |         | <p>Kampung Pantai Senok, Tawang, Bachok, Kelantan pada 10 Oktober 2019 bagi mendapatkan maklumat asas untuk dilaksanakan di Selangor.</p> <p>Penuaian air hujan berskala besar dilaksanakan melalui pembinaan HORAS 600, ORS Kolam Hang Tuah, Bestari Jaya. Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menampung air larian permukaan dari sungai dan kawasan tadahannya.</p> <p>Pembangunan Sistem Pelesenan bagi abstraksi air dan aktiviti pengubahan sumber telah memudahkan pemantauan sumber air secara kualiti dan kuantiti selain menambah sumber pendapatan Negeri.</p> |



**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                                                       | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-----|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | <p>5.4. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan negeri mengkaji penggunaan sumber air bawah tanah bagi dibekalkan kepada komuniti awam, swasta dan industri memandangkan bukan semua sumber air bawah tanah mempunyai jumlah kapasiti yang cukup untuk disalurkan kepada loji rawatan air.</p> |          |         | <p>Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Negeri Selangor telah dijalankan pada tahun 2015. Pada masa kini, penggunaan air bumi di Negeri Selangor oleh pihak berkepentingan telah di kawal melalui aktiviti pelesenan abstraksi sumber air. Sebanyak 451 Lesen Abstraksi Air Bumi telah diluluskan pada tahun 2021 dengan jumlah abstraksi sebanyak 32 MLD.</p> |
|     |               | <p>5.5. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri supaya melaksanakan usaha penyambungan sumber air bawah tanah di Sungai Selisek untuk disalurkan terus kepada loji rawatan air memandangkan jumlah kapasiti airnya yang tinggi.</p>                                                          |          |         | <p>Hala tuju kajian yang dilaksanakan oleh pihak JMG di Sg. Selisek telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Air LUAS Bil. 1/2021 pada 4 Mei 2021 dan Bil 1/2022 pada 29 April 2022.</p>                                                                                                             |

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                 | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-----|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | <p>5.6. Jawatankuasa mencadangkan Kerajaan Negeri dapat mengkaji teknologi rawatan air bawah tanah memandangkan pihak Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia (JMG) tidak mempunyai kepakaran sedemikian dan hanya berkeupayaan untuk membina telaga.</p> |          |         | <p>Berdasarkan kebenaran yang LUAS dikeluarkan, loji rawatan air bagi abstraksi air bumi disediakan oleh pemegang lesen. Perkara ini boleh dilaksanakan juga bagi pembangunan air bumi yang lain untuk menampung keperluan bekalan air tambahan. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Air LUAS Bil. 1/2022 pada 29 April 2022 telah memutuskan satu perbincangan lanjut bagi memperincikan kaedah rawatan serta pengagihan kepada pengguna terhadap potensi air bumi yang dihasilkan oleh pembangunan pihak JMG.</p> |



**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | <p>5.7. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi berkaitan mengadakan sesi libat urus Bersama komuniti setempat, pihak swasta dan industri yang berminat untuk menggunakan sumber air bawah tanah Bersama-sama dengan pemegang taruh berkaitan.</p> |          |         | <p>Seminar bagi pelaksanaan pelesenan dan caj abstraksi sumber air bersama pihak berkepentingan telah dibuat secara berperingkat bermula tahun 2005. Tujuan seminar tersebut adalah untuk memberi pendedahan berkaitan pelaksanaan Peraturan Abstraksi Sumber Air Negeri Selangor. Pada tahun ini, satu seminar bersama pemegang lesen telah di rancang pada bulan Julai 2022 bagi memperkenalkan Sistem Pengurusan Maklumat Abstraksi Sumber Air (SPASA) yang telah dibangunkan bagi memudahkan permohonan lesen di buat di atas talian.</p> |

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR – JPK SAS) DI MESYUARAT PERTAMA PERSIDANGAN PENGAGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |               | <p>5.8. Jawatankuasa turut mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menyegerakan libat urus Bersama pemilik-pemilik tanah dan kajian kualiti air bagi kolam-kolam air (tasik/bekas lombong) yang berada di bawah milikan persendirian bagi mendapatkan persetujuan untuk menggunakan sumber air meraka sebagai sumber alternatif terutamanya semasa kecemasan.</p> |          |         | <p>LUAS telah menghantar surat kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor pada 8 April 2022 (Ruj: LUAS.600-2/2/9/(20)) memohon maklumat status pemilihan tanah. Sesi libat urus bersama pemilik tanah akan dilaksanakan setelah semua pemilik tanah dikenalpasti.</p> |



